

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN KHOO POAY TIONG
(KOTA MELAKA)**

SOALAN

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan statistik penerima *Domestic Investment Strategic Fund* (DISF) dari tahun 2012-2019, khasnya dari segi pecahan negeri, jumlah penerima (bilangan dan RM), dan sektor; dan apakah kejayaan dan cabaran yang dihadapi program ini sejak dilancarkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dana Strategik Pelaburan Tempatan (DISF) merupakan inisiatif berbentuk geran padanan (1:1) dan tebus semula (*reimbursable*) bagi memacu peralihan syarikat tempatan dalam sektor-sektor yang disasarkan ke arah industri yang bernilai ditambah tinggi, berteknologi tinggi, berintensifkan pengetahuan dan berasaskan inovasi. Geran yang diluluskan di bawah dana ini adalah untuk syarikat melaksanakan aktiviti-aktiviti seperti:

- i. Latihan kepada rakyat Malaysia;
- ii. Aktiviti Pembangunan dan Penyelidikan (R&D) yang dijalankan di Malaysia;

SOALAN NO : 50

- iii. Pemodenan dan menaik taraf kemudahan dan peralatan untuk menjalankan aktiviti perkilangan atau perkhidmatan kepada Syarikat Multinasional (MNCs) dan konglomerat Malaysia (aktiviti penyumberan luar);
- iv. Mendapatkan piawaian/ pensijilan antarabangsa; dan
- v. Pelesenan atau pembelian teknologi baharu/ tinggi.

2. Semasa diperkenalkan pada tahun 2012 (RMK-10), Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM1 bilion di bawah dana ini bagi memperkukuhkan pelaburan domestik untuk mengimbangi Pelaburan Langsung Asing (*Foreign Direct Investment*, FDI) dan memastikan agar pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mapan. Dana DISF telah menerima tambahan peruntukan sebanyak RM1 bilion di bawah Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11) untuk projek-projek baharu bagi tempoh 2016-2020. Untuk tempoh 2012 sehingga Jun 2019, sebanyak 326 projek telah diluluskan dengan jumlah geran DISF sebanyak RM1.6 bilion. Jumlah pelaburan dari projek-projek yang diluluskan ini adalah sebanyak RM15.2 bilion.

3. Statistik jumlah penerima (2012-Jun 2019 dalam RM dan bilangan) mengikut pecahan negeri adalah seperti berikut:

| Negeri | RM (juta) | Bilangan |
|--------------------|------------------|-----------------|
| Selangor | 645.9 | 127 |
| Penang | 470.2 | 91 |
| Kedah | 103.7 | 18 |
| Melaka | 87.4 | 23 |
| W. P. Kuala Lumpur | 65.3 | 17 |
| Perak | 59.2 | 12 |
| Pahang | 39.4 | 7 |
| Negeri Sembilan | 31.1 | 8 |
| Johor | 25.2 | 9 |
| Terengganu | 24.1 | 5 |
| Sarawak | 22.8 | 4 |
| Kelantan | 9.4 | 2 |

SOALAN NO : 50

| Negeri | RM (juta) | Bilangan |
|---------------|------------------|-----------------|
| Perlis | 6.8 | 2 |
| Putrajaya | 1.1 | 1 |
| JUMLAH | 1,591.6 | 326 |

4. Pecahan jumlah penerima (2012-Jun 2019) berdasarkan sektor adalah seperti berikut:

| Sektor | RM (juta) | Bilangan |
|-----------------------------------|------------------|-----------------|
| Pengangkutan | 444.3 | 50 |
| Elektrikal & Elektronik | 358.5 | 38 |
| Jentera dan Kejuruteraan Termaju | 306.9 | 109 |
| Sains Hayat | 160.3 | 44 |
| R&D | 83.3 | 20 |
| Perkhidmatan | 77.6 | 17 |
| Perkhidmatan Minyak & Gas | 64.4 | 19 |
| Makanan | 44.7 | 9 |
| Kimia | 26.7 | 13 |
| Tekstil | 10.2 | 2 |
| Kertas, Percetakan dan Penerbitan | 9.3 | 2 |
| Produk Berasaskan Kayu | 4.9 | 2 |
| Logam dan Aloi | 0.5 | 1 |
| JUMLAH | 1,591.6 | 326 |

5. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) pada tahun 2015 terhadap projek-projek yang telah selesai mengemukakan tuntutan, didapati bahawa pemberian geran di bawah dana ini ternyata memberi kesan yang positif. Selain meningkatkan jumlah pelaburan yang direkodkan, dana ini juga menyumbang terhadap peningkatan tenaga kerja dalam bidang R&D serta sains dan teknologi, peningkatan purata kenaikan gaji, pertumbuhan jualan eksport, penembusan ke pasaran-pasaran baharu, peningkatan kolaborasi dengan universiti serta institut penyelidikan tempatan dan lain-lain terhadap syarikat yang diluluskan.

SOALAN NO : 50

6. Di antara cabaran yang dihadapi oleh syarikat dalam melaksanakan aktiviti geran adalah ketidaktentuan pasaran terutamanya dalam sektor komoditi seperti minyak & gas serta industri minyak sawit yang memberi kesan utama kepada syarikat-syarikat besar dan sekaligus syarikat-syarikat tempatan yang diluluskan di bawah dana ini.

7. Selain itu, memandangkan geran di bawah DISF adalah berbentuk tebus semula (*reimbursable*), sebahagian daripada syarikat-syarikat yang diluluskan turut menghadapi cabaran untuk membiayai aktiviti yang dicadangkan kerana sumber kewangan yang terhad. Ini adalah termasuk bagi mendapatkan pembiayaan terlebih dahulu daripada institusi kewangan berdasarkan beberapa faktor seperti latar belakang keupayaan kewangan syarikat, rekod prestasi pembayaran balik, dan risiko aktiviti yang dicadangkan.

8. Bagi projek-projek yang tidak dapat dilaksanakan, MIDA telah memperkenalkan mekanisma penarikan balik geran agar peruntukan dapat disalurkan kepada syarikat-syarikat yang lebih berkelayakan. MIDA juga telah memperkenalkan Perjanjian Geran untuk memantau pencapaian syarikat terhadap sasaran yang ditetapkan, sekaligus memastikan kecekapan penggunaan dana dalam mencapai objektif untuk memperkukuhkan pelaburan tempatan.

Sekian, terima kasih.